



17 SEP, 2021

FAMA sumbang lima tan buah.sayuran

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2



FAMA sumbang lima tan buah, sayuran

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyumbang hampir lima tan metrik hasil tanaman petani dan produk industri makanan di 15 buah lokasi seluruh Negeri Sembilan menerusi inisiatif MAFI Prihatin.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, sumbangan daripada bulan Jun sehingga ke hari ini telah memberi manfaat kepada 1,564 penerima terdiri daripada pelbagai latar belakang.

Program ini adalah bagi membantu memasarkan lebih pengeluaran hasil pertanian tempatan. Seramai 68

petani dan 20 usahawan yang dibantu sempena pelaksanaan program ini membabitkan jumlah sumbangan sebanyak RM12,570.50.

"Pada hari ini, lebih 100 sumbangan bakul makanan MAFI disumbangkan terdiri daripada hasil tanaman antaranya tembikai dari Linggi, timun dari Jempol dan jagung dari Kuala Pilah," katanya.

■BAKRI Sawir (dua dari kiri) melihat barang sumbangan sempena Program MAFI #Kitabersama:RT CARES di Pusat Rukun Tetangga Gemencheh Baru, Tampin baru-baru ini.
- UTUSAN/NORAINNA HAMZAH



17 SEP, 2021

FAMA sumbang lima tan buah.sayuran

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyumbang hampir lima tan metrik hasil tanaman petani dan produk industri makanan di 15 buah lokasi seluruh Negeri Sembilan menerusi inisiatif MAFI Prihatin. Pengurus Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri. Datuk Bakri Sawir berkata. sumbangan daripada bulan Jun sehingga ke hari ini telah memberi manfaat kepada 1.564 penerima terdiri daripada pelbagai latar belakang. Program ini adalah bagi membantu memasarkan lebihan pengeluaran hasil pertanian tempatan.